

Interview Geng Pagi Hot bersama Tun Dr Mahathir Mohamad

Ringkasan

Temubual Khas YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Ke-7 bersama Geng Pagi Hot pada 14 October 2019. Tun Dr Mahathir bin Mohamad berkongsi tentang rutin harian beliau dan kerjaya awalnya iaitu penjual goreng pisang di Pekan Rabu, Kedah sebelum menjadi pegawai perubatan dan seterusnya seorang ahli politik. Antara perkara yang dibicarakan adalah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kongres Maruah Melayu dan pesanan kepada para pendengar Geng Pagi Hot.

Mohamad Hafizie Roslan

Putrajaya, Geng Pagi Hot datang. Assalamuailaikum dan juga salam sejahtera. Hari ini kami daripada Geng Pagi Hot merasa gemuruh kerana dihadapan kami adalah Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Assalamuailaikum, Tun.

Tun Dr Mahathir Mohamad

Walaikumsalam.

Mohamad Hafizie Roslan

Apa khabar Tun hari ini?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Khabar baik, Alhamdulillah.

Mohamad Hafizie Roslan

Kami daripada Media Prima bertugas di Hot FM mengendalikan segmen Geng Pagi Hot pada pukul 6 pagi - 10 pagi. Tun, terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dengan GPH hari ini. Kami bertiga merasa sangat teruja kerana dapat meluangkan masa bersama-sama dengan Tun Mahathir. Kami bertiga membesar semasa Tun menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-4 sehingga menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-7. Jika Tun tidak keberatan, sudikah Tun kongsi jadual pada hari ini?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Jadual pada hari ini bermula dengan datang ke pejabat pada pukul 8 pagi. Saya bekerja sehingga malam. Selalunya pada waktu malam saya mempunyai temujanji seperti menghadiri majlis makan malam. Tetapi selalunya mereka menjemput saya bukan kerana

nak suruh saya makan tapi nak suruh saya berucap dan tanya soalan. Jadi ini dikira sebagai kerja dan bukannya makan. Hampir setiap hari rutin jadual saya seperti itu.

Mohamad Hafizie Roslan

Selalunya Tun bangun pagi pada pukul berapa?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya bangun pada pukul 6.30 pagi.

Shahmira Muhamad

Tun, rakan saya ini memang petah berkata-kata berbeza pula dengan saya. Tetapi saya akan cuba yang terbaik untuk bertanyakan soalan kepada Tun. Selama 35 tahun, ini merupakan kali pertama saya berdepan dengan Tun. Saya ingin mengimbau kembali sedikit kisah silam Tun iaitu berkenaan dengan kerjaya awal. Seperti yang kita sedia maklum, Tun merupakan seorang Pegawai Perubatan di Alor Setar, Jitra, Langkawi dan Perlis sehingga tahun 1957.

Tun Dr Mahathir Mohamad

Pekerjaan pertama saya ialah seorang penjual goreng pisang di Pekan Rabu, Kedah. Pada waktu itu merupakan zaman Pemerintahan Jepun dan keadaan kami sangat miskin. Saya tidak mempunyai kerja dan mengambil keputusan untuk menjual goreng pisang, kayu api dan sebagainya.

Shahmira Muhamad

Pada tahun bila?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Tahun 1943 @ 1944. Di zaman Jepun keluarga saya tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan. Ini kerana ramai yang bekerja dengan kerajaan terpaksa diberhentikan dan salah satunya abang kandung saya. Dan pada waktu itu ibubapa saya tidak menerima sebarang skim pencen. Oleh sebab itu, saya kena bekerja tetapi kerja pada waktu itu amatlah terhad. Dari situlah saya mengambil keputusan untuk berniaga goreng pisang di Pekan Rabu.

Shahmira Muhamad

Pada tahun 1957, Tun membuka klinik sendiri iaitu MAHA Klinik yang terletak di Jalan Tunku Ibrahim?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Ya betul. Sebelum itu saya bekerja dengan kerajaan daripada tahun 1954 sebagai Pegawai Perubatan. Pada waktu itu, gaji permulaan Pegawai Perubatan ialah RM400 sebulan. Selepas itu kerajaan menaikkan gaji sebanyak RM1. Ini disebabkan gaji diatas RM400 perlu menyumbang untuk EPF. Genap satu tahun sebagai 'houseman' saya dapat gaji sebanyak RM730.

Shahmira Muhamad

Tun, pada hari pertama MAHA Klinik dibuka, berapa ramai pelanggan yang datang?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Mungkin dalam sepuluh orang sahaja. Klinik Maha menyewa sebahagian daripada kedai abang ipar dan sebahagian daripada kedai sahabat saya iaitu Haji Rejab.

Mohammad Shukri

Tadi Tun ada maklumkan pekerjaan Tun yang pertama dengan menjual goreng pisang dan selepas itu Pegawai Perubatan. Pernahkah Tun terfikir untuk menjadi seorang ahli politik?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Seorang ahli politik? Dari zaman persekolahan lagi saya telah melibatkan diri dengan bidang politik. Pada masa itu, saya memerhatikan keadaan semasa dalam negara terutama hal yang berkaitan dengan orang Melayu dan sebagainya. Saya dan rakan-rakan sekolah secara tidak langsung sudah bergiat dalam bidang politik contohnya semasa dalam cadangan Malayan Union. Pada masa itu, kami telah membuat kempen bagi menentang Malayan Union. Apabila saya pergi ke Singapura barulah saya fokus belajar dalam bidang perubatan. Balik daripada Singapura sekitar tahun 1954, barulah saya mula kerja.

Mohamad Hafizie Roslan

Semestinya banyak pengalaman yang Tun dah lalui. Tun pernah melalui zaman muda, jadi apa pandangan Tun tentang generasi muda zaman sekarang? Dan apakah harapan Tun kepada anak-anak muda pada zaman sekarang?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Jikalau kita dapat peluang untuk menyambung pelajaran, kita akan dapat pendapatan yang lebih. Pada masa itu saya telah lulus peperiksaan Senior Cambridge dan saya layak untuk menyambung pelajaran ke Universiti. Namun pada masa itu, sekadar lulus SPM sudah mencukupi untuk menyambung pelajaran ke universiti tetapi saya tunggu nak dapat tawaran

biasiswa dahulu kerana jika tidak ada biasiswa saya tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Pada mulanya saya ingin menceburi bidang undang-undang dan ingin menjadi seorang peguam tetapi saya mendapat biasiswa dalam bidang perubatan di Singapura. Saya terima tawaran tersebut.

Mohamad Hafizie Roslan

Tun, bolehkan Tun kongsi maksud Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 kepada pendengar Hot FM?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Setiap golongan masyarakat terdapat golongan kaya ataupun miskin. Dalam masyarakat yang maju, orang yang kaya akan menjadi semakin kaya tetapi bagi orang yang miskin mereka sangat daif. Jadi kita kena kurangkan jarak antara kaya dan miskin. Ini adalah kerana jika perbezaan jarak terlalu jauh, akan timbul perasaan marah, benci, iri hati, dan sebagainya di kalangan yang miskin. Apabila sampai kepada satu tahap sehingga perasaan mereka meluap, mereka mungkin akan mencetuskan huru-hara. Oleh kerana itu, kita perlu mengurangkan jarak tersebut supaya golongan tersebut tidak merasa terpisah. Itulah tujuan kemakmuran bersama. Bukan nak dapat sama pendapatan, tetapi kurangkan jurang perbezaan antara miskin dan kaya.

Mohamad Hafizie Roslan

Tun, apakah pelan jangka masa panjang bagi mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Kita perlu mewujudkan peluang perkerjaan, perniagaan dan latihan supaya mereka mempunyai kecekapan dan kemahiran. Dari situ mereka akan guna kebolehan dan kemahiran untuk menjana pendapatan. Tetapi golongan ini mesti berkerjasama menyahut cabaran ini kerana Wawasan Kemakmuran 2030 tidak akan berjaya jika mereka tidak ambil bahagian. Umpunya, jikalau kerajaan wujudkan peluang pelajaran tetapi mereka tidak mahu untuk belajar. Dan kalau kerajaan wujudkan peluang pekerjaan tetapi mereka tidak mahu untuk bekerja, tidak mungkin kita dapat tambah pendapatan mereka ataupun beri kepada mereka pendapatan yang boleh mengurangkan jurang antara mereka dan yang lain.

Shahmira Muhamad

Adakah kawan-kawan lama Tun masih berhubung dengan Tun sehingga ke hari ini?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Kebanyakan kawan lama saya sudahpun meninggal dunia. Yang tinggal hanya 2 orang sahaja. Kedua-dua kawan saya berumur 90 keatas tetapi yang seorang kurang sihat dan yang seorang lagi tidak begitu aktif. Dia merupakan seorang bilal walaupun dia berpelajaran tinggi setaraf dengan saya.

Shahmira Muhamad

Bolehkan Tun kongsikan nama mereka?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Sahabat saya bernama Khalid dan umur dia tua sedikit daripada saya. Dia dipanggil Khalid Julung. Julung ini merupakan nama syarikat (kilang papan) yang telah ditubuhkan oleh sahabat saya. Dan sahabat saya yang seorang lagi ialah Osman. Kami gelarkan dia sebagai Osman kuda disebabkan gigi dia jongang. Osman merupakan rakan kelas saya. Manakala, Khalid bukan rakan kelas saya sebab dia belajar di sekolah agama.

Mohamad Hafizie Roslan

Adakah Tun masih berhubung dengan sahabat-sahabat Tun?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Ada. Bila saya balik ke Alor Setar, saya akan berjumpa dengan mereka tetapi tidak begitu kerap.

Mohammad Shukri

Boleh Tun kongsikan kenangan nakal Tun dengan sahabat-sahabat yang Tun masih ingat?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Dulu, saya sering dibuli kerana menjual belon. Pada masa itu, saya beli 3 biji belon berharga 2sen dan saya jual satu belon berharga 1sen dan saya untung 1sen. Kawan saya ajak saya ke kantin dan saya kena beli nasi untuk dia. Saya takut kat dia kerana dia kuat daripada saya.

Mohammad Shukri

Adakan Tun masih ingat kepada orang yang telah membuli Tun?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Ya, saya masih ingat lagi. Nama dia Hussien anak kepada jiran sebelah.

Mohamad Hafizie Roslan

Seperti yang kita maklum, bila sebut sahaja nama Tun Dr Mahathir semestinya semua orang tahu yang Tun terkenal dengan kata-kata semangat. Setiap pagi, kami di Geng Pagi Hot akan kongsi satu kata-kata semangat kepada pendengar kami. Mungkin Tun ingin kongsi satu kata-kata semangat kepada para pendengar setia Hot FM?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya utamakan semangat dan bukannya kepada upah dan sebagainya. Bagi saya upah tidak seberapa pun tidak mengapa tetapi jikalau ada semangat ingin bekerja, kita kerja lebih baik. Kalau kita bergantung kepada upah semata-mata, prestasi kerja kita tidak baik disebabkan niat kita berkerja hanya untuk dapat duit. Lain pula sebaliknya bila kita membuat kerja dengan penuh semangat hasil kerja kita akan memuaskan. Itu terpulang kepada diri kita sendiri.

Shahmira Muhamad

Saya pernah nampak Tun memandu kereta Proton Saga model lama. Rasanya seluruh rakyat Malaysia tahu Tun memang suka memandu kereta. Andai kata Tun diberikan satu kereta dengan minyak diisi penuh, ke manakah Tun hendak pergi? Dan berikan sebab kenapa Tun memilih untuk pergi ke tempat itu.

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya memang suka memandu kereta. Pada masa ini cuma itu sahaja aktiviti yang boleh dilakukan untuk menghiburkan diri saya. Pada hujung minggu, saya akan memandu kereta. Daripada dulu lagi saya memang suka memandu kereta dan saya sudah terbiasa memandu kereta daripada Singapura sampai ke Alor Setar. Pada masa itu saya masih belajar di Singapura dan saya beli kereta di sana. Kereta pertama saya hanya berbumbungkan kain jenis standard. Saya pandu kereta itu daripada Singapura ke Kuala Lumpur dan selepas itu teruskan perjalanan sehingga ke Alor Setar. Sekarang pada hujung minggu saya akan memandu kereta untuk bersiar-siar walaupun pada waktu malam kaki saya akan rasa sakit sedikit disebabkan tekan pedal. Pada saya, memandu kereta itu merupakan satu hiburan kepada saya untuk melepaskan tekanan. Saya dah pandu banyak jenis kereta, dimana orang menyuruh saya untuk ujipandu kereta dan saya akan cuba memandu kereta tersebut. Setiap kali Proton mengeluarkan model kereta mereka yang terbaru, pihak Proton akan bagi satu untuk saya uji pandu untuk saya cuba. Ianya bukan milik saya tetapi Proton cuma disimpan di rumah saya sahaja. Saya telah memandu kesemua model kereta Proton.

Kadang-kadang model kereta lain pun saya akan ujipandu jika ada pihak pengeluar yang ingin menyuruh saya untuk mencuba.

Mohamad Hafizie Roslan

Berapa had kelajuan yang paling laju Tun pernah pandu?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Had kelajuan yang paling laju 180km/s. Tetapi kadang-kadang boleh lebih daripada itu. Pada masa itu, Maju Expressway belum dibuka lagi tetapi saya boleh menggunakan lebuhraya tersebut. Oleh sebab itu, tidak ada kenderaan di sepanjang lebuhraya dan saya akan memandu kereta dengan laju di sana.

Mohamad Hafizie Roslan

Adakah Tun berseorangan ataupun ditemani Tun Dr Siti Hasmah?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Kadang-kadang saya akan memandu ditemani oleh isteri saya, tetapi apabila dengan dia, saya akan pandu perlahan kerana dia akan menegur saya untuk memandu secara perlahan.

Mohammad Shukri

Sekarang ini ramai orang masih tertanya-tanya siapakah bakal Perdana Menteri Malaysia selapas ini. Dan seperti yang kita sedia maklum, kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan sama seperti pemimpin-pemimpin yang lain. Bagi Tun sendiri, apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk seseorang itu menjadi seorang pemimpin dan ketua yang berkaliber untuk kita contohi?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Keikhlasan merupakan kunci yang paling penting dan tumpuan utama ialah kepada tugas kerja bukan kepada diri sendiri. Kita jadi pemimpin bukan untuk kepentingan diri sendiri dan kita kena kerja lebih rajin daripada orang yang kita pimpin. Kita mesti boleh selesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Mohamad Hafizie Roslan

Tun, baru-baru ini telah berlangsung satu Kongres Maruah Melayu. Boleh Tun kongsi sepanjang bersidangnya Kongres Maruah Melayu tersebut, apa yang telah berlaku?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya berpendapat bahawa untuk memulihkan maruah Melayu, kitalah yang kena usaha. Kalau kita suruh orang lain untuk berusaha, maruah kita tidak akan dipulihkan. Jadi untuk memulihkan maruah kita, kita mesti tunjukkan kebolehan kita dan kita boleh buat apa sahaja yang orang lain boleh buat. Sebab itu pada suatu ketika, kita perkenalkan slogan "Malaysia Boleh" yang bermaksud orang Melayu boleh, seluruh bangsa Malaysia boleh dan Negara Malaysia boleh. Jangan kata kita tidak boleh. Untuk itu kita telah tunjukkan bahawa kita boleh sehinggakan ada yang berjaya mendaki Gunung Everest dan macam-macam lagi pencapaian yang telah dibuat oleh rakyat Malaysia. Kita tunjukkan apa yang orang lain buat, kita boleh buat. Tetapi soalnya hendak ataupun tidak? Kalau kita tidak mahu maka ia tidak akan tercapai tetapi jikalau kita mahu buat, kita kena cuba dan sanggup buat benda yang kita fikir akan memulihkan maruah bangsa kita. Untuk itu, kita mesti tunjukkan kepada bangsa lain bahawa orang Melayu ini pandai, rajin, ikhlas serta mempunyai nilai-nilai yang mulia. Umpamanya apabila kita diberi kuasa, jangan salahgunakan kuasa dan buat benda yang dilarang. Jikalau kita amalkan nilai-nilai ini dengan sendirinya kita akan berjaya dan apabila kita berjaya barulah kita dapat pulihkan maruah Melayu. Kalau kita suruh kerajaan mengadakan dasar dan peluang tetapi kita sendiri tidak menggunakan dasar dan peluang tersebut, maruah kita tidak akan pulih.

Shahmira Muhamad

Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah memang terkenal dengan pasangan yang romantik. Saya pernah nampak Tun makan makanan yang disuap oleh Tun Dr Siti Hasmah dan Tun ternampak manja disitu. Antara Tun dengan Tun Dr Sita Hasmah, siapakah yang kuat merajuk?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Apa? Kuat Merajuk? Kalau kuat merajuk, saya lah. Saya berlainan daripada isteri saya. Wanita tidak memberi penghargaan kepada masa dan selalunya mereka akan lambat. Saya pula selalunya seorang yang menepati waktu dan saya memang tidak suka terlambat jika hendak pergi ke mana-mana. Jadi bila saya sudah siap, dia tidak siap lagi dan saya akan merasa kecewa. Tetapi saya tidak boleh betulkan sikap mereka dan sekarang saya terima hakikat bahawa dia mesti lambat daripada saya. Saya mesti bersedia untuk menunggu dia dan tidak akan timbul masalah merajuk lagi.

Mohammad Shukri

Tun, bagaimana Tun membahagikan masa dengan cucu?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya memang selalu bermanja dengan cucu-cucu saya. Cucu ini lain daripada anak dimana anak tidak berapa manja manakala cucu tersangatlah manja. Cucu lebih banyak tunjuk perasaan sayang daripada anak. Saya mempunyai 18 orang cucu dan kadang-kadang saya terlupa nama mereka. Tetapi mereka semuanya amat rapat dengan saya dan jikalau berjumpa dengan saya, mereka akan peluk saya.

Mohammad Shukri

Sebagai orang Penang, saya hendak tanya satu soalan. Dulu saya dengar, setiap hari Jumaat orang Kedah akan datang ke Penang untuk cari makan. Kalau Tun ke Penang, di manakah kedai makan kesukaan Tun?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Kedai kesukaan saya ialah Mira, kedai nasi kandar. Pada masa itu, sampai ke Penang saya akan terus ke kedai nasi kandar. Jika saya ke Penang, saya akan tinggal di rumah pak penakan saya dan dekat dengan kediaman dia ada gerai nasi kandar. Pada awal pagi saya akan membeli nasi kandar.

Mohamad Hafizie Roslan

Lauk apa yang Tun selalu ambil?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Biasanya daging. Perlu ingat yang di zaman dulu bukan senang untuk dapat daging untuk dimakan. Kadang-kadang dalam satu minggu mungkin 3 kali sahaja dapat makan dan ayam mungkin sekali sahaja. Kadang-kadang sampai sebulan tidak berlaukkan ayam. Jikalau daging, kami selalunya akan potong kecil-kecil. Di zaman Jepun saya cuma dapat makan kari udang bersaiz kecil dan saya akan makan kuah bersama nasi dahulu kemudian akan makan udang apabila nasi bersama kuah kari tadi habis. Rasa sedap itu lama sikit.

Mohamad Hafizie Roslan

Kami ada soalan Hot untuk Tun di mana pihak kami akan tanyakan soalan dan Tun akan jawab. Soalan pertama, berapa jumlah duit yang berada di dalam dompet Tun sekarang?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Banyak juga. Selalunya saya akan bawa duit dalam dompet. Mak saya pesan kena ada duit walaupun hanya ada 1sen dalam poket. Kalau jumpa gajah harga 1sen kita tidak dapat beli

mesti kita akan rasa kecewa sebab itu mesti ada duit di dalam dompet. Cuma sekarang ini saya ada lebih sikit duit berbanding dengan zaman dulu.

Shahmira Muhamad

Apakah lagu kesukaan Tun?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Lagu kesukaan saya ialah Madu Tiga daripada Arwah P. Ramlee.

Mohammad Shukri

Berapakah jumlah telefon bimbit kepunyaan Tun? Bini saya marah kalau saya ada dua buah telefon bimbit.

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya hanya ada sebiji telefon bimbit sahaja yang selalu digunakan oleh saya. Tetapi ada orang yang menghadihkan telefon bimbit kepada saya dan saya simpan telefon bimbit tersebut.

Mohamad Hafizie Roslan

Siapa orang terakhir yang Tun hubungi pada malam tadi?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Tiada siapa-siapa.

Shahmira Muhamad

Apakah gambar terakhir yang Tun ambil menggunakan telefon bimbit?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Masa saya berjalan di Amerika, saya ada mengambil gambar. Itu adalah gambar terakhir yang saya ambil menggunakan telefon bimbit.

Mohammad Shukri

Siapa pemimpin dunia yang rapat dengan Tun?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Sekarang ini? Dulu saya rapat dengan Nelson Mandela iaitu Presiden Afrika Selatan tetapi dia telah meninggal dunia. Sekarang ini kita dapati tidak banyak pemimpin dunia yang boleh

menjadi model ataupun contoh kepada kita. Kebanyakannya lagak ataupun perangai mereka tidak kena. Oleh itu, tidak ada yang rapat pada masa sekarang.

Mohamad Hafizie Roslan

Dari yang kita tahu Tun bangun pagi dari seawal jam 6.30 pagi. Pukul berapa Tun tidur pada setiap hari?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya akan tidur pukul 10.30 malam tetapi saya akan baca buku sebelum tidur.

Shahmira Muhamad

Apakah tajuk tayangan filem yang terakhir Tun telah tonton?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Tayangan filem yang terakhir saya telah tonton adalah- M for Malaysia. Itupun saya terpaksa pergi kerana mendapat jemputan untuk menonton tayangan filem tersebut. Filem tersebut dibuat oleh cucu saya.

Mohammad Shukri

Tun boleh kongsi satu perkataan yang melambangkan Malaysia?

Tun Dr Mahathir Mohamad

Pelbagai kaum.

Mohamad Hafizie Roslan

Baik Tun, kami di Pagi Geng Hot merasa amat berbesar hati kerana dapat meluangkan masa bersama-sama dengan Tun pada hari ini. Mungkin Tun hendak menyampaikan pesanan sebagai seorang Perdana Menteri, ikon, kepada semua pendengar-pendengar yang sedang mendengar siaran Hot FM pada hari ini? Silakan Tun.

Tun Dr Mahathir Mohamad

Saya dapat lihat banyak bangsa dan negara dimana saya berpeluang untuk menjelajah seluruh dunia. Dari situ saya dapati ada negara yang maju dan ada juga negara yang tidak maju. Terdapat juga negara yang mempunyai sumber alam yang banyak tetapi mereka masih tidak maju. Jadi akhirnya saya buat keputusan iaitu maju ataupun tidak, seseorang, sesuatu bangsa ataupun sesuatu negara bergantung kepada nilai hidup dan pegangan mereka. Kalau bangsa itu rajin bekerja, beramanah, dan mempunyai perasaan malu jikalau

gagal, semestinya bangsa itu akan berjaya. Tetapi, walaupun bangsa itu duduk di dalam lombong emas sekalipun mereka tetap tidak akan berjaya jikalau mereka tidak berusaha mengorek keluar emas dan membuat hasil daripada emas tersebut. Jadi, budaya itu sendiri dan nilai hidup yang dipegang oleh seseorang, kaum, ataupun bangsa itulah yang akan menentukan sama ada mereka akan berjaya ataupun tidak. Kita dapati kebolehan yang mereka ada hampir sama diantara setiap bangsa, kaum, dan individu tersebut. Kebolehan adalah sama tetapi jikalau budaya yang diamalkan oleh mereka tidak kena, seperti tidak suka bekerja, belajar, dan lebih suka untuk berehat, orang itu tidak boleh berjaya. Sebab itu saya perhatikan dalam dunia ini banyak negara yang cukup maju dan ada negara yang walaupun mempunyai banyak sumber alam seperti minyak mentah, emas dan sebagainya, tetapi mereka tidak usahakan sumber alam tersebut dan mereka tidak akan maju. Inilah hasil pemerhatian saya seumur hidup lebih daripada 80 tahun dan saya bernasib baik boleh membuat pebandingan ini serata dunia. Di dalam negara kita pun kita ada menjumpai orang daripada lain-lain kaum dimana ada kaum yang berjaya dan sebaliknya.

-Tamat-